

KE ARAH PENINGKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI DALAM PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

Osman Hashim

Jabatan Psikologi
Pendidikan & Kaunseling

Ahmed Ghazie Ibrahim

Jabatan Asas Pendidikan & Kemanusiaan
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya

Teaching and learning of art bring immense benefits to all children particularly children with special needs. Children irrespective of age, race, background and needs love art and many of them use art as a medium to communicate with others. This article discusses the teaching and learning of art in the Learning Disabilities Programme in Malaysian schools. Among others this article elaborates on learning disabilities programs in Malaysian schools, teacher training, art curriculum, and teaching of art to learning disabled students in Malaysian schools. This article notes the various problems concerning teaching and learning art in the Learning Disabilities Programme and offers general guidelines as well as suggestions to overcome these problems.

Kanak-kanak dilahirkan berbeza-beza dan unik dari segi keupayaan fizikal dan kognitif. Keunikan dan perbezaan ini perlu dihargai dan dijaga dengan sebaiknya oleh ibu bapa dan guru. Walaupun mereka mempunyai keupayaan yang berbeza, semua kanak-kanak berhak mendapat pendidikan dan hak ini termaktub dalam beberapa perisytiharan antarabangsa antaranya Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Anak - Anak 1989 dan 'The Proclamation on the full participation and equality of persons with disabilities 1994' (Sandiyao Sebestian & Osman Hashim, 2005). Semua kanak-kanak perlu diberi pendidikan tanpa mengira kaum, latar belakang sosial, ataupun perkembangan intelek mereka. Keperluan untuk memberi pendidikan kepada semua kanak-kanak adalah menjadi satu daripada tanggungjawab sosial yang penting dalam masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004).

Bidang pendidikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran mendapat perhatian serius kerajaan dan banyak usaha telah dilaksanakan bagi memastikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran mendapat perhatian sewajarnya. Hal yang demikian ini dapat

dilihat menerusi perhatian yang diberi kepada dasar pendidikan khas dalam pembangunan pendidikan negara yang berlandaskan empat teras utama iaitu meningkatkan akses kepada pendidikan, meningkatkan ekuiti dalam pendidikan, meningkatkan kualiti dalam pendidikan, dan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Jaminan kerajaan tentang peningkatan akses kepada pendidikan dan ekuiti dalam pendidikan menunjukkan komitmen kerajaan terhadap peluang pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di Malaysia (PKBP) telah bermula sejak 1988 dengan pembukaan kelas khas bermasalah pembelajaran yang pertama di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Batu, Kuala Lumpur. Sejak itu program pendidikan khas bermasalah pembelajaran di sekolah-sekolah kerajaan melalui pelbagai perubahan. Perubahan ini berbentuk penubuhan lebih banyak kelas khas bermasalah pembelajaran meliputi sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh Malaysia, latihan perguruan, peruntukan kewangan, penubuhan sekolah vokasional pendidikan khas yang baru dan sebagainya. Kurikulum PKBP bagi sekolah rendah dan sekolah menengah juga telah digubal pada tahun 2003 serta diguna pakai di seluruh negara sejak itu.

Menurut Jamila (2005), dalam Akta Pendidikan 1996 maksud Program Pendidikan Khas dikategorikan kepada tiga pengertian. Pengertian yang pertama ialah suatu program yang disediakan di sekolah khas bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan ataupun kecacatan pendengaran. Keduanya program ini bererti suatu program percantuman di sekolah biasa bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan ataupun kecacatan pendengaran atau masalah pembelajaran. Pengertian ketiga ialah program ini merupakan suatu program pendidikan inklusif bagi murid-murid dengan keperluan khas yang dapat menghadiri dalam kelas biasa bersama-sama dengan murid biasa. Mengikut Jamila lagi, Program Pendidikan Khas Integrasi adalah istilah baru bagi Program Pendidikan Khas Percantuman. Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran merupakan program integrasi kelas-kelas khas bermasalah pembelajaran yang diwujudkan dalam sekolah-sekolah arus perdana. Murid-murid yang telah disahkan oleh doktor perubatan dan dirujuk sebagai mempunyai masalah pembelajaran ditempatkan dalam kelas-kelas khas bermasalah pembelajaran yang sedia ada.

Di Malaysia, murid-murid berkeperluan khas ertinya murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan atau kecacatan pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Sementara itu murid-murid bermasalah pembelajaran bermaksud murid-murid yang telah dikenal pasti menghadapi masalah-masalah dalam pembelajaran mengikut tahap kefungsiannya mereka dalam bidang seperti keupayaan kognitif, keupayaan bahasa, pertuturan atau lisan, penguasaan kemahiran matematik, kemahiran tingkah laku sosial atau perkembangan, kemahiran perkembangan, kemahiran bekerja sendiri, dan kemahiran pemiagaan/perindustrian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Mengikut Buku Maklumat Pendidikan Khas terbitan Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), kategori kanak-kanak bermasalah pembelajaran di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia meliputi kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down,

Attention-Deficit Hyperactivity Disorder atau gangguan kekurangan tumpuan dan hiperaktif, terencat akal minimum, dan masalah pembelajaran spesifik. Murid dalam kategori tersebut mewakili komposisi murid dalam program pendidikan khas bermasalah pembelajaran di seluruh negara.

Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran meliputi kelas khas bermasalah pembelajaran yang diwujudkan dalam sekolah arus perdana yang sedia ada. Kelas-kelas ini terletak di bawah tanggung jawab pentadbiran sekolah terbabit. Kelas khas bermasalah pembelajaran ini diketuai oleh seorang penyelaras. Selain terlibat dengan aktiviti sekolah, guru-guru kelas khas bermasalah pembelajaran juga terlibat dengan aktiviti peringkat daerah dan aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Khas negeri masing-masing apabila mereka diperlukan. Kelas khas bermasalah pembelajaran ini melaksanakan Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Kelas ini juga mempunyai aktiviti kokurikulum sendiri seperti kumpulan pengakap, kesenian, lawatan, terapi berkuda, terapi berenang dan sebagainya. Secara amnya kelas khas bermasalah pembelajaran berkongsi iklim persekitaran persekolahan yang sarna, berkongsi kemudahan fizikal yang sarna dan terlibat dalam aktiviti sekolah seperti yang dikehendaki oleh pihak pentadbir sekolah. Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) ini ada yang bersaiz besar dan ada yang bersaiz kecil bergantung kepada enrolmen murid bermasalah pembelajaran di sesebuah sekolah serta kemudahan yang ada disediakan.

Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Guru program PKBP merupakan guru yang terlibat mengajar murid-murid bermasalah pembelajaran dalam kelas khas bermasalah pembelajaran yang ada dalam sekolah rendah dan sekolah menengah arus perdana. Guru-guru tersebut terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Ada antara gurunya mempunyai latihan khusus dalam pendidikan khas sarna ada kursus dalam perkhidmatan, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Terdapat guru yang menerima kursus pendedahan sahaja dan ada juga yang tidak mempunyai latihan khusus dalam pendidikan khas.

Latihan perguruan untuk guru-guru dijalankan di beberapa buah Insituti Pendidikan Guru dan universiti awam. Antara universiti awam yang menawarkan latihan perguruan dalam pendidikan khas termasuk Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Sains Malaysia. Latihan di Insituti Pendidikan Guru adalah pada peringkat sijil dan diploma serta tempohnya antara empat belas minggu hingga tiga tahun. Manakala di universiti awam, program pengajian berlangsung selama empat tahun. Antara subjek yang diajar di peringkat universiti termasuk Pengenalan Kepada Pendidikan Khas, Pengurusan Tingkahlaku, Intervensi Awal, Kaedah Bacaan, Pendidikan Seni dan sebagainya.

Guru PKBP tersebut mempunyai tugas yang mencabar dalam mendidik murid-murid yang terdiri daripada pelbagai kategori masalah pembelajaran. Meskipun demikian dalam melaksanakan kurikulum pendidikan khas para guru boleh mengubah suai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Hal yang demikian ini bererti guru pendidikan khas digalakkan lebih kreatif dan berinovasi semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kurikulum Pendidikan Seni

Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a) digubal berasaskan kepelbagaian keupayaan individu berkeperluan khas yang tidak dapat menerima manfaat daripada program pendidikan arus perdana. Kurikulum ini terdiri daripada empat bidang iaitu bidang pengurusan kehidupan, bidang akademik berfungsi, bidang kerohanian dan nilai-nilai murni, serta bidang sosial, riadah dan kreativiti. Empat bidang kurikulum ini pula mengandungi empat belas komponen dan salah satu komponennya ialah pendidikan seni. Komponen pendidikan seni terletak di bawah bidang sosial, riadah dan kreativiti.

Komponen Pendidikan Seni dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran mempunyai matlamat tersendiri yang menjurus kepada memenuhi keperluan individu mood. Komponen Pendidikan Seni dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran adalah bertujuan untuk mencungkil dan mengembangkan bakat murid dalam bidang seni. Komponen ini juga bertujuan untuk mengembangkan potensi mood supaya mereka dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi. Justeru itu, pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran diharapkan dapat mengembangkan bakat, kreativiti pelajar serta menggalakkan perkembangan sosial mereka menerusi pengamalan nilai yang dipelajari.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2004) telah menyenaraikan enam objektif Komponen Pendidikan Seni Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Secara amnya, objektif ini adalah berkaitan dengan mengembangkan bakat murid, perkembangan kognitif dan psikomotor, menghasilkan karya seni, menghargai keindahan alam dan warisan budaya serta menyedari peluang kerjaya dalam bidang seni. Berdasarkan objektif ini, diharap murid bermasalah pembelajaran akan celik seni dan lebih berbudaya. Hal yang demikian ini bermaksud pelajar lebih peka terhadap seni dan menghargai budaya Malaysia dan dapat menggunakan seni dalam kehidupan harian mereka.

Kandungan kurikulum pendidikan seni mengandungi empat bahagian iaitu melukis, membuat corak serta rekaan, mereka dan membuat binaan, serta mengenal kraf tradisional. Bahagian melukis memberi pendedahan tentang asas melukis bermula dengan aktiviti pergerakan motor kasar dan motor halus hinggalah kepada aktiviti penggunaan pelbagai media dan wama. Dalam bahagian melukis, tiga perkara yang diberi penekanan iaitu perkembangan motor halus, motor kasar dan kemahiran melukis. Perkembangan motor halus adalah aktiviti berkaitan pergerakan dengan jari-jemari secara bebas dan terkawal menggunakan bahan seperti tanah liat, plastisin atau '*play-dough*'. Perkembangan motor kasar adalah aktiviti berkaitan pergerakan tangan seperti membuat contengan, melukis atau mewama. Kemahiran melukis pula adalah berkaitan dengan kebolehan memanipulasi pelbagai jenis alat dan bahan dalam aktiviti melukis dan membuat gambar. Alat dan bahan yang digunakan adalah seperti pensel, pensel wama, krayon, berus dan wama. Bahagian membuat corak dan rekaan dimulai dengan aktiviti membuat corak dan rekaan secara bebas hinggalah kepada aktiviti mencorak menggunakan komputer. Manakala bahagian mereka dan membuat binaan dimulai dengan aktiviti menghasilkan binaan mengikut kreativiti hinggalah kepada ukiran mudah. Sementara itu, bahagian mengenal kraf tradisional melibatkan aktiviti mengenal kraf, mereka kraf mudah dan mereka cipta kraf tangan.

Secara keseluruhannya komponen Pendidikan Seni dalam kurikulum PKBP menjurus kepada pelbagai kemahiran asas dalam Pendidikan Seni dan menggalakkan penghasilan kreativiti seni dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Kandungan komponen Pendidikan Seni dalam kurikulum PKBP selaras dengan kandungan empat bidang yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat sekolah rendah iaitu melukis dan membuat gambar, membuat corak dan rekaaan, membentuk dan membuat binaan, dan mengenal kraf tradisional (Ikhsan Othman & Norila Md Salleh, 2005). Hal ini menunjukkan walaupun terdapat beberapa adaptasi dan modifikasi bagi memenuhi keperluan individu murid bermasalah pembelajaran namun kurikulum PKBP masih bergerak sejajar dengan kurikulum arus perdana. Perkara sedemikian konsisten dengan perancangan penggubalan '*Key Stage*' oleh Jabatan Pendidikan Khas Malaysia. Keselarasan antara kurikulum PKBP dengan kurikulum arus perdana akan membolehkan laluan inklusif disediakan bagi murid yang mencapai tahap yang diperlukan dan '*Key Stage*' yang sedang dirancang oleh Jabatan Pendidikan Khas Malaysia diharap akan memberi impak positif dalam aspek ini.

Kepentingan Pendidikan Seni dalam pendidikan khas bagi meningkatkan kemahiran motor kasar dan motor halus, kemahiran persepsual-motor dan kreativiti seni diberi penekanan dalam kurikulum ini. Seni sebagai medium peluahan dan ekspresi murid bermasalah pembelajaran juga diberi tempat dalam kurikulum ini. Berasaskan perincian kurikulum ini, guru PKBP perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni bagi mencapai objektif-objektif Komponen Pendidikan Seni dalam kurikulum PKBP. Kepentingan Pendidikan Seni secara umumnya menggalakkan murid meneroka pelbagai medium, menggunakan imaginasi dan mengambil risiko intelektual, membentuk kecerdasan '*visual/spatial*', melibatkan diri dengan projek arahan sendiri, bekerja mengikut tahap dan kadar sendiri, meneroka fungsi simbolik dalam seni, berdialog dengan orang lain mengenai proses kreatif dan hasil kerja mereka, dan membina kemahiran penilaian sendiri (Cromwell, 2000).

Sebenarnya ada banyak lagi manfaat Pendidikan Seni seperti menghargai alam, mensyukuri nikmat Tuhan, menajamkan fikiran, membentuk emosi yang baik, membina kemahiran multi sensori dan sebagainya. Kesemua manfaat dan kepentingan ini lebih menyerlah dalam pendidikan bagi murid bermasalah pembelajaran kerana mereka perlukan pendidikan yang holistik, menyeluruh dan integratif supaya mereka dapat dintegrasikan ke dalam masyarakat umum. Hasilnya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni akan melahirkan pelajar yang dapat berdikari, bertingkah laku yang baik, mampu menyatakan pandangannya dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam bermasyarakat.

Pengajaran Pendidikan Seni

Pengajaran Pendidikan Seni dijalankan oleh guru pendidikan khas yang diberi tanggungjawab untuk mengajar komponen tersebut oleh penyelaras program PKBP. Guru tersebut tidak semestinya mempunyai latihan khusus dalam Pendidikan Seni. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni bagi murid bermasalah pembelajaran diperuntukkan dua waktu mata pelajaran dalam jadual persekolahan program PKBP. Setiap waktu mata pelajaran diberi peruntukan masa 30 minit. Ini bermaksud Pendidikan Seni diperuntukkan

sejam setiap minggu dalam jadual waktu program PKBP, iaitu sama seperti yang diperuntukkan untuk murid-murid arus perdana.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni dalam program PKBP berlangsung dalam kelas dan tiada bilik khas setakat ini yang diwujudkan untuk tujuan Pendidikan Seni. Hasil kerja murid disimpan dalam fail portfolio murid-murid dan dinilai oleh guru. Hasil kerja murid ini ditunjukkan kepada ibu bapa dari semasa ke semasa dan pada hari pertemuan dengan ibu bapa yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Gred untuk Komponen Pendidikan Seni bagi murid dimasukkan dalam rekod penilaian. Rancangan Pendidikan Individu untuk Komponen Pendidikan Seni juga harus dibina dan dilengkapi oleh guru. Rancangan Pendidikan Individu ini seharusnya memperincikan kemajuan murid dalam Pendidikan Seni sepanjang tempoh persekolahannya. Rancangan Pendidikan Individu bukan sahaja merupakan dokumen rancangan pengajian murid secara individu dan merekod perkembangan murid dalam komponen pembelajaran tetapi boleh juga digunakan sebagai pendekatan penilaian murid bermasalah pembelajaran. Ruang hasil kerja seni murid bermasalah pembelajaran yang terpilih secara amnya dipamerkan di papan pameran di satu sudut dalam bilik darjah. Namun ada sebilangan Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran yang bersikap proaktif menerbitkan hasil kerja murid dalam buletin Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran sekolah masing-masing atau pada majlis khusus seperti minggu pendidikan khas.

Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa Pendidikan Seni diintegrasikan ke dalam kelas bagi pelajar berkeperluan khas merentasi subjek (Mason, Thormann, & Steedly, 2004). Namun menurut Mason et al., pengintegrasian ini berbeza-beza mengikut negeri dan tempat di Amerika. Mereka turut memberi contoh penggunaan pendekatan kolaborasi dalam pengajaran Pendidikan Seni dalam kelas untuk pelajar berkeperluan khas. Pendekatan kolaborasi ini melibatkan sekumpulan lima hingga sepuluh orang guru berlainan yang bekerja dalam satu kumpulan bagi mengajar secara bergiliran mengikut topik dengan mengintegrasikan Pendidikan Seni dalam kelas pelajar berkeperluan khas. Penyelesaian inovatif juga diutarakan iaitu penggunaan pakar dalam Pendidikan Seni contohnya profesor dan pelukis bagi meningkatkan kualiti sesi pengajaran Pendidikan Seni untuk pelajar kurang upaya (Mason et al., 2004).

Rooney (2004) pula mencadangkan '*team-teaching*' atau pengajaran berpasukan bagi meningkatkan pengajaran Pendidikan Seni merentasi kepakaran guru bidang seni dan disiplin akademik yang lain. Beliau turut menekankan kepada keperluan memantapkan faktor yang dapat meningkatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran seni iaitu sumber, hubungan komuniti dan sokongan pihak pentadbir sekolah. Guru yang berkemahiran, bahan yang mencukupi dan sokongan teknikal merupakan sumber yang penting dalam pengajaran Pendidikan Seni. Hubungan komuniti melibatkan komuniti setempat, pelbagai persatuan seni sedia ada dalam komuniti dan beberapa pihak lain yang berkepentingan mempunyai peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni. Sokongan pihak pentadbir sekolah dalam melaksanakan pengajaran Pendidikan Seni sangat diperlukan bagi memastikan keberkesannya dapat dipertingkatkan. Oleh yang demikian, kerjasama semua guru, penyediaan sumber yang mencukupi, kolaborasi komuniti dengan sekolah yang baik, dan sokongan pentadbir sekolah diperlukan untuk mempertingkatkan pengajaran Pendidikan Seni di sekolah.

Masalah dalam Pengajaran Pendidikan Seni

Terdapat pelbagai masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Masalah yang diperolehi ini adalah hasil daripada soalan (lisan dan bertulis) dan perbincangan dengan pihak pentadbiran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran serta para guru yang mengajar Komponen Pendidikan Seni ini. Berikut adalah masalah secara umum yang dihadapi oleh guru:

1. Gangguan dalam proses pengajaran dan pembelajaran disebabkan oleh masalah tingkah laku murid bermasalah pembelajaran terutamanya murid autisme dan hiperaktif.
2. Masalah kesediaan belajar murid kerana kekurangan kemahiran motor kasar dan motor halus yang mengehadkan kemajuan mereka dalam Pendidikan Seni.
3. Masalah memahami dan mengikut arahan terutamanya murid kerencatan akal, hiperaktif dan autisme.
4. Tidak dapat menghabiskan kerja Pendidikan Seni dalam masa yang diberikan semasa di kelas.
5. Cepat hilang tumpuan terutamanya murid '*Attention Deficit Disorder* ' '*Attention Deficit Hyperactive Disorder* } dan autisme.
6. Kemajuan yang lambat dalam pembelajaran Pendidikan Seni yang mengambil masa yang agak lama bagi sebahagian murid untuk menguasai sesuatu kemahiran dalam Pendidikan Seni contohnya tidak mengenali warna dan jenis bahan walaupun berulang kali diajar. Kadang kala sesuatu kemahiran telah diajar tetapi sebahagian mereka mudah lupa terutamanya selepas cuti persekolahan dan berlaku '*regression*' dalam pembelajaran.
7. Komposisi murid dalam kelas khas bermasalah pembelajaran meliputi pelbagai kategori contohnya Sindrom Down, kerencatan akal ringan, autisme, hiperaktif dan '*cerebral palsy* menyebabkan guru mengalami kesukaran memberi tumpuan terhadap keperluan setiap individu murid.
8. Nisbah murid dengan guru dalam kelas khas bermasalah pembelajaran adalah lapan murid kepada seorang guru. Namun terdapat sebilangan kes, nisbahnya kadang kala melebihi nisbah yang ditentukan dan ini menyebabkan guru mengalami kesukaran memberi tumpuan secara individu.
9. Terdapat guru yang mengajar Pendidikan Seni dalam kelas khas bermasalah pembelajaran tidak mempunyai latar belakang latihan Pendidikan Seni dan hal ini menyebabkan mereka mengambil masa untuk menguasai pelbagai teknik serta pendekatan Pendidikan Seni.
10. Sebilangan daripada mereka yang mengajar Pendidikan Seni tidak menunjukkan minat mengajar seni dan hal ini memberi kesan yang negatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni.
11. Sebilangan ibu bapakurang memberi kerjasama dalam membantu dan memantau perkembangan seni dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran contohnya kerja rumah murid tidak siap dan terlupa menyediakan bahan Pendidikan Seni yang diminta oleh guru untuk dibawa ke kelas. Hal yang demikian ini berlaku meskipun telah dimaklum oleh guru sarna ada secara lisan atau bertulis.

12. Tugas-tugas lain seperti menghadiri kursus, menghadiri mesyuarat, mengiring murid ke sesuatu aktiviti atau pertandingan, penglibatan dalam projek peringkat sekolah, daerah, negeri atau pusat juga menimbulkan kesulitan kepada guru terlibat kerana jadual pengajaran mereka akan tertangguh.
13. Kes-kes murid tidak hadir ke sekolah disebabkan oleh masalah kesihatan atau sebab-sebab lain. Kes ponteng sekolah juga memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.
14. Sebilangan guru kurang cekap dalam menilai hasil kerja murid bermasalah pembelajaran, penyimpanan rekod dan portfolio, serta kurang memberi perhatian terhadap rancangan pendidikan individu.

Cadangan Ke Arah Peningkatan Pengajaran Pendidikan Seni

Terdapat beberapa cadangan bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Komponen Pendidikan Seni Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Berikut adalah beberapa cadangan umum bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran komponen tersebut:

1. Pengurusan tingkah laku penting dalam pengendalian murid bermasalah pembelajaran. Guru perlu sentiasa peka dengan perkembangan murid mereka setiap masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sesuatu gangguan tingkah laku bermula dengan murid itu menunjukkan petandanya dahulu dan ketika itu guru perlu segera memberi intervensi tingkah laku. Guru perlu memberi intervensi awal sebelum gangguan tingkah laku berlaku dengan mengolah environmen pengajaran dan pembelajaran. Environmen yang kondusif, selesa, selamat, bennakna dan menggembirakan akan memberi kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Sebarang halangan kepada pembelajaran yang berkesan dan pencetus atau '*triggers*' kepada penonjolan gangguan tingkah laku perlu ditangani oleh guru sebelum tingkah laku yang tidak dingini berlaku. Justeru guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengurusan tingkah laku bagi meningkatkan pengajaran semua bidang dalam kurikulum.
2. Kesediaan murid dalam kemahiran motor halus dan motor kasar perlu diberi keutamaan dalam Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Guru boleh memulakan dengan mengajar kemahiran asas Pendidikan Seni dahulu seperti yang dinyatakan dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran contohnya pergerakan tangan, jari jemari dan koordinasi mata-tangan barulah bergerak kepada kemahiran lain dalam Pendidikan Seni. Di samping itu, komponen lain dalam kurikulum tersebut seperti Komponen Kemahiran Manipulatif, Komponen Kemahiran Pendidikan Muzik, Gerakan dan Drama, dan Komponen Kemahiran Pendidikan Jasmani turut menekankan kepada pergerakan motor halus dan motor kasar. Oleh yang demikian adalah penting kurikulum ini dilaksanakan secara holistik, menyeluruh, dan integratif dengan kolaborasi semua pihak iaitu guru kelas, guru mata pelajaran serta para profesional sekiranya ada dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
3. Arahan perlu jelas, konsisten dan boleh difahami bersesuaian dengan tahap dan keperluan individu murid. Guru boleh mempelbagaikan bentuk arahan sama

ada secara verbal, isyarat, tulisan dan pergerakan kerana murid bermasalah pembelajaran juga seperti murid arus perdana belajar mengikut gaya pembelajaran mereka yang tertentu. Contohnya bagi murid yang *non-verbal*, guru boleh menggunakan isyarat, tulisan atau pergerakan untuk menyampaikan maksud arahan mereka. Di samping itu prinsip modifikasi tingkah laku seperti pembentukan, penggunaan ganjaran dan token boleh digunakan bagi murid yang sebenarnya memahami arahan tetapi kadang kala sengaja cuba mengingkari arahan itu. Oleh itu konsistensi, kejelasan, bahasa verbal atau *non-verbal* yang ringkas dan mudah penting diamalkan dalam pendidikan khas. Pengajaran yang lebih bersifat '*non-directional*' dan pendekatan berpusatkan kanak-kanak juga boleh diamalkan dalam pendidikan seni serta arahan lebih merupakan satu perjanjian atau kontrak antara guru dengan murid.

4. Murid perlu diberi tugas bersesuaian dengan tahap dan keperluan mereka. Bagi murid yang menghadapi masalah menghabiskan kerja mereka, keanjalan masa harus diamalkan dengan membenarkan murid itu menghabiskannya sarna ada di rumah atau pada masa yang lain. Pendekatan lain yang boleh digunakan ialah dengan merancang awal pengagihan tugas mengikut tahap dan keperluan individu murid. Oleh yang demikian, guru memberi tugas yang dijangka boleh disempumakan dalam masa yang diberikan. Guru juga boleh membuat latihan kemahiran menghabiskan tugas mengikut masa yang diberikan dengan menggunakan pencatat masa bagi meningkatkan kelancaran dan kecepatan murid menghabiskan tugas mengikut masa yang diberikan.
5. Pendekatan modifikasi tingkah laku boleh membantu murid yang mengalami masalah memberi tumpuan. Penyediaan environmen pengajaran dan pembelajaran yang baik juga penting bagi membantu mengekalkan tumpuan murid. Sebarang *distractors* yang boleh mengalih tumpuan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu dielakkan. Altematif lain ialah murid itu dibenarkan beralih kepada sesuatu yang diminati selepas menyempurnakan sebahagian kecil daripada satu tugas penuh dan kemudiannya tumpuan murid ditarik kembali kepada tugas awal sehinggalah tugas itu sempurna mengikut kadar pembelajaran murid tersebut. Perancangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting bagi meningkatkan keberkesanan Pendidikan Seni. Perancangan ini turut meliputi olahan bilik, pemilihan bahan dan tugas, bentuk bahan bantu mengajar, hubungan guru dengan murid, motivasi dan ganjaran yang digunakan dalam kelas.
6. Tidak dinafikan bahawa mungkin akan berlaku kelewatan dalam pembelajaran atau '*regression*' dalam pembelajaran tetapi guru pendidikan khas perlu sentiasa mengamalkan tahap profesionalisme yang tinggi dengan bersabar terhadap perkembangan murid sebegini. Kadang kala terdapat '*hidden development*' atau perkembangan tersirat yang perlu diamati oleh guru sebagai contohnya terjalin hubungan yang lebih baik antara guru dengan murid menerusi seni kerana seni boleh menjadi medium perhubungan dengan orang lain. Di samping itu, pendekatan analisis tugas boleh digunakan dengan memecahkan sesuatu kemahiran kepada langkah-langkah kecil yang terperinci. Apabila murid tidak dapat melakukan sesuatu langkah dalam turutan analisis tugas itu maka

guru akan memberi intervensi yang intensif bagi membantu murid mengatasi kelemahannya pada peringkat sesuatu turutan tersebut. Dengan ini, pengulangan yang tidak berfaedah dapat dielakkan.

7. Pengurusan kelas penting untuk keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran juga memainkan peranan yang penting kerana ia melibatkan pihak pentadbir sekolah, guru khas, guru arus perdana, ibu bapa dan kakitangan lain. Kebijaksanaan menyusun atur jadual, penempatan murid dalam kelas, agihan sumber, dan penurunan kuasa kepada guru akan membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
8. Nisbah guru dan murid perlu kajian lanjut bagi melihat impaknya kepada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas khas bermasalah pembelajaran. Namun begitu, penyelesaian yang mungkin boleh dicuba ialah dengan membuat unjuran dan perancangan awal dalam pengurusan Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di sekolah terutamanya meliputi sumber manusia, fizikal dan kewangan. Perancangan ini kemudiannya dilaksanakan dengan menggembelng kerjasama semua pihak termasuk ibu bapa, komuniti, badan sukarela dan sebagainya.
9. Latihan yang berterusan perlu diberikan kepada semua guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Latihan ini boleh berbentuk jangka pendek, sederhana dan panjang. Ia juga boleh dilaksanakan secara informal atau formal. Latihan ini juga boleh berbentuk latihan dalaman di sekolah-sekolah terbabit. Pihak universiti dan Institusi Pendidikan Guru boleh dilibatkan dalam aspek ini. Walau bagaimanapun ini merupakan sokongan luaran sahaja; sikap dan minat guru yang lebih penting kerana mereka sendiri yang menentukan sama ada mereka ingin menjadi guru yang berkesan ataupun tidak. Akhirnya merekalah pengurus pengajaran dan pembelajaran yang menentukan manfaat itu sampai kepada sasarannya.
10. Kerjasama ibu bapa dan keluarga penting dalam memastikan terdapat peningkatan dalam perkembangan murid bermasalah pembelajaran. Pihak sekolah perlu mengajak ibu bapa dan keluarga bersama-sama dalam membantu program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran menerusi penganjuran pelbagai aktiviti sosial dan pendidikan. Pihak sekolah perlu sentiasa melibatkan ibu bapa dan keluarga dalam proses pembangunan pendidikan sekolah masing-masing. Program keibubapaan juga perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka supaya mereka dapat menyumbang bakti membangunkan pendidikan anak-anak mereka. Kerjasama ibu bapa dan keluarga dalam pendidikan khas bermasalah pembelajaran merupakan potensi dan sumber yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di Malaysia. Usaha berganda bagi melibatkan mereka perlu dilaksanakan demi kebaikan semua pihak.
11. Penggunaan pendekatan stesen pengajaran dan pembelajaran juga dicadangkan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni terutamanya bagi program PKBP yang mempunyai jumlah murid yang agak besar. Pendekatan stesen merupakan suatu bentuk pengajaran dan

pembelajaran yang dilengkapi bahan bantu mengajar yang efektif bagi pelajar berkeperluan khas melalui kaedah *'hands on experience'* dan *'main sambil belajar'* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003b). Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembelajaran mengikut tahap keupayaan, kecerdasan, kemahiran, kebolehan dan juga minat serta peluang belajar menerusi pengetahuan dan pengalaman sedia ada.

Stesen kemahiran ialah bilik atau sudut atau ruang berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran dengan bahan sokongan yang meliputi peringkat rendah ke peringkat paling tinggi khusus bagi satu-satu mata pelajaran dalam program PKBP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003b). Berasaskan kepada pendekatan stesen ini, satu bilik atau sudut atau ruang boleh disediakan untuk Pendidikan Seni dalam program PKBP ini. Dengan ini pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni akan dapat berlangsung dengan lebih tersusun, berfokus, berorientasikan murid, dan efektif. Atas sebab terdapatnya peluang rentas belajar atau *'cross-learning'* dalam perkembangan kemahiran motor dan pergerakan kreatif, stesen pembelajaran berkesan dalam memberi penekanan terhadap kemahiran atau tugas terpilih iaitu dengan menyediakan pengulangan dalam keadaan terkawal dan mempelbagaikan aktiviti bagi meningkatkan motivasi dan minat (Churton, Cranston-Gingras, & Blair, 1998). Penggunaan pendekatan stesen dengan optimum dan efektif dijangka dapat menyelesaikan masalah berkaitan pengurusan kurikulum, pengurusan sumber, kepakaran guru, agihan murid mengikut tahap dan keperluan pembelajaran, dan kadar pembelajaran murid.

Cadangan-cadangan yang diberikan adalah bersifat umum dan boleh dijadikan panduan dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni dalam program pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Trend masa kini dan masa hadapan memerlukan guru pendidikan khas memberikan pelbagai jenis perkhidmatan profesional dan personal kepada kanak-kanak dengan pelbagai keperluan pembelajaran (Churton et al., 1998). Guru pendidikan khas perlu memperkasakan diri mereka dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan kebolehan dalam menjalinkan hubungan sebagai pengajar, pendidik, mentor dan rakan dalam bulatan hubungan guru, murid, ibu bapa dan keluarga.

Pendekatan intervensi multi-modal seperti yang disarankan oleh Boon (2003) juga perlu diamalkan dalam pendidikan khas. Intervensi multi-modal ini melibatkan intervensi pelbagai pihak dan menggunakan pelbagai pendekatan dan jenis perkhidmatan. Antaranya ialah pengurusan pendidikan, pengurusan stres, pengurusan cara belajar, kaunseling, sokongan ibu bapa, sokongan dan intervensi keluarga, modifikasi tingkah laku dan latihan kemahiran sosial. Semua pihak perlu berusaha mewujudkan environmen sekolah dan komuniti yang positif. Environmen ini boleh diwujudkan dengan penggembelengan kerjasama pelbagai disiplin sedia ada dalam kalangan warga sekolah dan komuniti setempat. Kerjasama ini boleh diterjemahkan menjadi sokongan kepada pembangunan sekolah meliputi kewangan, sumber tenaga, buah fikiran, bahan-bahan, peralatan, kepakaran dan sokongan moral. Environmen yang positif ini akan membolehkan pertumbuhan dan perkembangan yang sihat dalam kalangan murid.

Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan isu dan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Secara ringkas dapat dijelaskan bahawa Komponen Pendidikan Seni yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran menyediakan ruang untuk murid memperolehi kemahiran seni mengikut peringkat dan keperluan mereka. Kurikulum ini mengandungi empat bidang yang perlu dilaksanakan secara holistik, menyeluruh dan integratif memandangkan kemahiran tersebut saling berkait dan perlu disesuaikan dengan kesemua domain perkembangan murid itu. Kerjasama semua pihak meliputi guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, keluarga, komuniti, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan para profesional sangat diperlukan bagi memberi intervensi yang berkesan supaya pendidikan serta perkembangan murid dapat dipertingkatkan. Dengan ini, diharapkan para guru dan pihak pentadbiran dapat membantu mempertingkatkan lagi status mata pelajaran ini di sekolah khas. Semua pihak perlu sedar tentang kepentingan Pendidikan Seni dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran yang boleh memberi impak positif terutamanya terhadap perkembangan afektif dan kognitif dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Sekiranya langkah yang dicadangkan dapat diambil maka matlamat mata pelajaran ini akan tercapai. Dengan demikian, negara akan dapat melahirkan masyarakat berkeperluan khas yang imaginatif, kreatif, berpengetahuan, dan berdikari.

Rujukan

- Boon, R. (2003). *Learning disabilities*. Dimuat turun pada 15 November, 2003, daripada <http://home.iprimus/rboon/LeamingDisabilities.htm>
- Churton, M. W., Cranston-Gingras, A. M., & Blair, T. R. C. (1998). *Teaching children with diverse abilities*. Boston: Allyn & Bacon.
- Cromwell, E. S. (2000). *Nurturing readiness in early childhood curriculum for ages 2-5*. Boston: Allyn & Bacon.
- Ikhsan Othman, & Nori la Md. Salleh. (2005). *Kurikulum dan pengajaran sekolah rendah Aspek-aspek yang berkaitan*. Tanjung Malim: Quantum.
- Jamila K. A. Mohamed. (2005). *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. Pahang: PTS Profesional.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Unit Pendidikan Khas, Bahagian Sekolah. (1992). *Surat Pekeliling Pendidikan Khas 1979-1991*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). *Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Pembangunan pendidikan 2001-2010: Perancangan bersepadu penjana kecemerlangan pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Khas. (2002). *Buku maklumat pendidikan khas 2002*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Khas. (2003a). *Sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Khas. (2003b). *Buku panduan stesen pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Khas. (2004). *Huraian sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah: Bidang sosial, riadah dan kreativiti*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mason, C.Y., Thormann, M. S., & Steedly, K. M. (2004). *How students with disabilities learn in and through the arts: An investigation of educator perceptions*. Dimuat turun pada 15 November, 2006, daripada <http://livingresearch.vsarts.org>
- Rooney, R. (2004). *Arts-based teaching and learning: Review of the literature*. Dimuat turun pada 15 November, 2006, daripada <http://livingresearch.vsarts.org>
- Sandiyao Sebestian, & Osman Hashim. (2005). *Adakah anak anda berbeza?* Kajang: Sun.